

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA MARATON PUISI 1MALAYSIA
PADA 27 OKTOBER 2011 DI DEWAN KAPITOL UniMAP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Dihormati Puan Hajah Siti Rodziah Othman, Timbalan
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia mewakili
Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Pegawai-pegawai Utama UniMAP,

Dekan-dekan, Ketua-ketua Jabatan,

Pengarah-pengarah, Pengetua-pengetua, wakil-wakil pengarah
dan pengetua, Institusi Pengajian yang hadir

Yang Dirai wakil-wakil dari :-

Perpustakaan Negara Malaysia

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)

Sekretariat dan Ahli-ahli jawatankuasa Program

Wakil-wakil media.

Seterusnya hadirin yang dihormati sekalian.

Entah bagaimana nak berkata
menyatakan rasa gembira yang tidak terkira
kerana Dato'-dato' tuan dan puan sudi ke utara
bertandang ke kampus kami yang tidak seberapa

MasyaAllah,
Sudah lama acara ini UniMAP tunggu
untuk berkongsi rasa tentang kehebatan bahasa Malaysia
yang satu
akhirnya tiba juga masanya
kita mengucapkan sajak, pantun dan seloka.

Alhamdulillah kepada Ya Allah
yang masih memberi kekuatan dan kudrat
kita masih mampu berdiri dengan berani
memperjuang maruah dan identiti diri
anak-anak warisan di nusantara
yang sememangnya sedar tentang tanggung jawab mereka.

Para tetamu kami yang dihormati

Bahasa Melayu bukan sekadar bahasa biasa
Bukan milik manusia Melayu saja,
Ia milik kita, kita pelbagai bangsa, tidak kira siapa
Jangan sekali-kali pinggirkan ia milik Melayu sahaja,

Sudah sampai kita memahami dan menghayati hakikat
bahasa kita,
Inilah satu-satunya milik kita, pusaka kita,
Ia ada roh, ada nyawa, yang tiang serinya terpacak kukuh di
ruang nusantara,

Bahasa Melayu bukan bahasa Melayu cuma
Ia mengandungi pelbagai unsur bahasa dan pernyataan
pelbagai budaya yang pernah bertandang ke daerah ini,
Budaya dari pelbagai tamadun ulung dunia, seperti Cina,
India, Arab dan Parsi
Kerana itu bahasa Melayu kaya dengan ilmunya, ada
hukumnya, ada seninya yang sangat murni;
Kerana itu bahasa Melayu boleh mendabik dada.....
Berani menonjolkan diri,
sanggup menerima apa jua cabaran yang menanti.
Boleh ke tengah dan ketepi,

Ah hebatnya bahasa Melayu ini
Ini bukan kenyataan saya, tetapi hasil penemuan para
pengkaji.

Tuan-tuan dan Puan-puan

Inilah malangnya kita
Macam ada tangan dalam kalangan kita

Yang meminggirkannya
Ada dalam kalangan kita yang tidak mahu memandangkan
sebelah mata,

Antara warga Malaysia sendiri
Ada yang tidak ambil peduli
Bahasa ibunda tidak dihormati
Bahasa asing dipuja-puji

Alangkah malangnya!

Bagaimana ini boleh terjadi
Bahasa kita indah sekali
Zaman Melaka sudah terbukti
Lingua franca seluruh duniawi

Bukan kita hendak mengenehi bahasa asing
Kita jua mesti pakar sebanyak mungkin dalam bahasa lain
Tetapi kita perlu sematkan rasa sayang dan bangga dengan
bahasa kita
Kerana, kalau Malaysia tidak ada bahasa jatinya,
Nilai Malaysia sebagai sebuah Negara
Tidak ubah seperti sampah, lemah dan tidak bermakna

Sampaikan salam kepada mereka yang masih meragui bahasa kita

Jangan terlalu taksud dengan kepentingan diri

Dan usaha orang luar yang cuba menghancurkan semangat jati

Sebagai sebuah Negara pelbagai bangsa bersatu melalui jiwa roh bahasanya,

Kita mesti berjuang berhabis-habisan

Memastikan kukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa penyatu

Hatta, Walaupun darah bertitisan

Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu, akan terus kekal

meningkatkan langit yang satu.

Tahniah Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian

penerangan, komunikasi dan kebudayaan

Tidak jemu berjuang bermati-matian

Kami turut setia dalam perjuangan

Bersama anak-anak pelajar yang akan menjadi pahlawan

bahasa masa depan.

Wabillahitaufik walhidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.